# Skyridder, inovasi Langit Putra permudah kempen banteras iklan di tiang lampu

Oleh: Hafliza Hussin



KAJANG - Kempen Hijau dan inovasi Universiti Putra Malaysia (UPM) menggunakan alat inovasi *Skyridder* berjaya membantu komuniti Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Taman Sinaran, di sini dalam membuang iklan haram yang dipasang di tiang lampu jalan di kawasan perumahan itu.

Projek inovasi *Skyridder* yang dihasilkan oleh Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK), Langit Putra dari Putra Science Park dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) (TNCPI) UPM itu bermula tahun 2018 bagi menyelesaikan masalah dawai karat dan serpihan bunting yang ditinggalkan pada tiang lampu sekitar UPM.

*Skyridder* dibangunkan menggunakan barangan terpakai bagi mengatasi masalah kesukaran membuang dawai lama dan serpihan kayu pada tiang lampu selepas gegantung *outdoor* diturunkan dari tiang lampu.

Ketua kumpulan projek, Asrizam Esam berkata Skyridder$^{TM}$ dapat membantu lebih 8,000 komuniti KRT di Malaysia bagi membenteras iklan haram sekiranya alat ini dapat dikomersilakan nanti.

MPSJ merekodkan lebih 290,000 iklan haram yang dikesan pada 2015.

Katanya, program inisiatif hijau itu melibatkan aktiviti pembuangan dawai lama dan serpihan kayu yang ditinggalkan di tiang-tiang lampu sekitar taman berkenaan.

B1567496557



LIHAT JUGA




Fakulti Ekonomi Dan Pengurusan Beri Anugerah Kepada Staf Berjasa Dalam Majlis Apresiasi (/berita/fakulti_ekonomi_dan_pengurusan_beri_anugerah_kepada_staf_berjasa_dalam_majlis_apresiasi-51521)



Tengku Permaisuri Norashikin berkenan rasmi Ekspedisi Saintifik Biodiversiti DiRaja Taman Negeri Selangor Bukit Fraser, Daerah Hulu Selangor (/berita/tengku_permaisuri_norashikin_berkenan_rasmi_ekspedisi_saintifik_biodiversiti_diraja_taman_negeri_selangor_bukit_fraser_daerah_hulu_selangor-51501)




Tingkatkan kesedaran kepentingan penyusuan ibu (/berita/tingkatkan_kesedaran_kepentingan_penyusuan_ibu_-51481)

pertanyaan selanjutnya

Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
+603-9769 1000
+603 8948 7273
marketing@upm.edu.my (mailto:marketing@upm.edu.my)




BM
Entiti Kami
Dokumen
Newsletter
Tetapan

Pengerusi KRT Taman Sinaran, Yusoff Masburi berkata beliau berasa beruntung kerana terdapat cadangan daripada UPM untuk menjalin kerjasama dengan komuniti di situ melalui program khidmat masyarakat yang juga boleh membantu meningkatkan kesedaran terhadap inisiatif hijau.

"Ia sekaligus telah membuka mata komuniti di sini mengenai masalah dawai karat dan serpihan sampah yang sering ditinggalkan oleh syarikat atau individu yang meletakkan bunting iklan dan bahan promosi secara haram di sekitar kawasan ini.

"Kami sering mengadakan aktiviti gotong-royong di taman ini bagi mewujudkan prasarana dan persekitaran yang selamat, bersih serta untuk merapatkan ukhwah dengan komuniti setempat. Bagaimanapun kami tidak menyedari masalah ini menjejaskan pemandangan alam sekitar di kawasan jika tidak dibendung," katanya.

Pengarah program, Nor Liyana Kamarudin yang juga ahli kumpulan Langit Putra pula berkata, kempen inisiatif hijau telah dilaksanakan dari peringkat dalam UPM lagi dengan penganjuran program bebas dawai tahun lalu dan semasa Projek Kesedaran 2019 Peringkat Kebangsaan (Zon Tengah & Selatan): Penggunaan Kertas Kitar Semula.

"Kempen ini merupakan komitmen berterusan kami selaku warga universiti yang mempunyai sedikit sebayak kepakaran dan pengalaman dalam inovasi untuk dikongsikan kepada komuniti untuk sama-sama mendapat manfaat.

"Kami juga ingin memberi kesedaran dengan mendidik warga UPM, generasi muda dan masyarakat setempat untuk mengamalkan amalan inisiatif hijau dalam kehidupan seharian," katanya.

Turut hadir ahli jawatankuasa KRT dan ahli kumpulan Langit Putra iaitu Asrizam Esam, Norliyana, Hafliza, Norazlin, Mohd Mas'ataillah dan Mohd Hisham dari PSP, Mohd Izzat dari Pejabat TNCPI, dan Shahriman Hashim sebagai fasilitator. - UPM

Tarikh Input: 19/08/2019 | Kemaskini: 19/08/2019 | hairul_nizam

**PERKONGSIAN MEDIA**

(https://www.addtoany.com/share#url=https%3A%2F%2Fwww.upm.edu.my%2Fberita%2Fskyridder_inovasi_langit_putra_permudah_kempen_banteras_iklan_di_tiang_lampu-51249&title=Skyridder%2C%20Inovasi%20Langit%20Putra%20Permudah%20Kempen%20Banteras%20Iklan%20Di%20Tiang%20Lampu%20%7C%20Universiti%20Putra%20Malaysia)
(/#facebook) (/#twitter) (/#google_plus) (/#linkedin) (/#email) (/#copy_link)

(/#wordpress) (/#print)

B1567496557

**HUBUNGI KAMI**

**Universiti Putra Malaysia**
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA

+603-9769 1000

+603 8948 7273

marketing@upm.edu.my

TALIAN KECEMASAN
BAHAGIAN KESELAMATAN UPM (24 JAM)
03-9769 7990 | 03-9769 7470 |
03-9769 1999

**PERKHIDMATAN DALAM TALIAN**

Sistem Permohonan ke Luar Negara (http://bursar1.upm.edu.my/spln/)
Sistem Ilmu Sumber Manusia (SISMAN) (http://www.sisman.upm.edu.my/)
KM Portal (http://km.upm.edu.my/kmportalweb/portal/render.action?method=home)
Jawatan Kosong (http://spj.upm.edu.my/)
Sistem Baik Pulih ICT (http://zonict.upm.edu.my/)
Putra Learning Hub (http://learninghub.upm.edu.my/)
Sistem Pengurusan Perubatan (http://regmedic.upm.edu.my/)
Sistem E-Claim (http://eclaims.upm.edu.my/login/)
i-GIMS (staf) (http://www.sps.upm.edu.my:8080/igims/index.jsp)
i-GIMS (pelajar pascasiswazah) (http://sgsportal.upm.edu.my:8080/sgsportal/)
Sistem Maklumat Pelajar (pelajar prasiswazah) (http://smp.upm.edu.my/smp/action/security/loginSmpSetup)

**PAUTAN LUAR**

Kementerian Pendidikan Malaysia (http://www.moe.gov.my/)
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) (http://www.ptptn.gov.my)
Multimedia Super Corridor (https://mdec.my/msc-malaysia/)
Portal myGovernment (https://www.malaysia.gov.my/en/home)
Agensi Kelayakan Malaysia (http://www.mqa.gov.my/)

**PAUTAN PANTAS**

FAKULTI / PTJ / PENTADBIRAN (/entiti)
Statistik Transaksi Laman Web (http://www.upm.edu.my/statistik)
Tender & Kontrak (http://etender.upm.edu.my/)
Laporan Piagam Pelanggan (http://www.upm.edu.my/mengenai_kami/maklumat_korporat/piagam_pelanggan-8202)
Dasar UPM (http://www.pnc.upm.edu.my/mengenai_kami/dasar_universiti-5601)
Sistem Pengurusan ISO (http://reg.upm.edu.my/spk_upm/)
Dana Wakaf Ilmu (http://www.wazan.upm.edu.my)
Penerbitan UPM (http://www.upm.edu.my/kandungan/Penerbitan_UPM-29859)
Takwim UPM 2019 (http://www.upm.edu.my/upload/dokumen/20190308094006TAKWIM_2019_1.pdf)

(http://www.putra.upm.edu.my)
(http://portal.upm.edu.my)
(https://play.google.com/store/apps/details?id=upm.mobile.v6)
(http://www.pertanika.upm.edu.my)
(http://www.learninghub.upm.edu.my)
(http://www.psasir.upm.edu.my/)
(https://smp.upm.edu.my)
(http://sgsportal.upm.edu.my:8080/sgsportal/)
(http://eclaims.upm.edu.my/login/)
(http://www.reg.upm.edu.my/eISO/)
(http://emel.upm.edu.my)

BM

Entiti Kami
Dokumen
Newsletter
Tetapan

Dasar Privasi (/footnote/dasar_privasi-29949) Hakcipta (/footnote/hakcipta-29950) RSS (/rss) Penafian (/footnote/penafian-29938) Bantuan (/footnote/bantuan-29937) UPM online (/footnote/upm_online-38695) Dasar Keselamatan (/footnote/dasar_keselamatan-29939)

© 2019 Universiti Putra Malaysia

LANGGAN MELALUI EMAIL Emel anda HANTAR

B1567496557